



الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيد المرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد:

Melakukan amalan yang sunat sangat digalakkan oleh Nabi S.A.W. kepada umatnya bagi melengkapkan makna ubudiyah dan ketundukan yang mutlak terhadap Allah Azza wa Jalla.

Juga untuk menyempurnakan kekurangan yang berlaku ketika melakukan solat fardhu.

Solat Sunat.

Menurut bahasa, kata sunat atau “*tatowwu*” bererti melakukan sesuatu ketaatan atau mengerjakan suatu kebaikan yang tidak wajib atau ibadat tambahan yang bukan fardhu.

Menurut Syari’at, *tatowwu*’ bererti tambahan di atas perkara yang diwajibkan (fardhu) untuk *bertaqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah.

Keutamaan Solat Sunat.

Keutamaan ini disebutkan dalam banyak hadis, di antaranya: Dari Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W bersabda: “Sesungguhnya yang pertama sekali dihisab amal perbuatan umat manusia (yang berkaitan dengan hak Allah) kelak pada hari Kiamat adalah solat. Allah ‘Azza wa Jalla berfirman kepada Malaikat-Nya dan Dia lebih mengetahui: {Lihatlah solat hamba-Ku, apakah dia mengerjakannya dengan sempurna atau terdapat kekurangan padanya?}

Jika solat yang dikerjakannya itu sempurna, maka akan dicatat baginya (pahala) solat yang sempurna. Namun jika terdapat kekurangan padanya, maka Allah berfirman: {Lihatlah, apakah

hamba-Ku itu mempunyai ibadah tambahan?} Jika hamba itu memiliki ibadah tambahan, Dia akan berfirman: {Sempurnakanlah ibadah Fardhu hamba-Ku dengan ibadah *tatowwu*’ (sunat).}

Kemudian amal-amal yang lain juga diperhitungkan dengan cara yang sama seperti itu.” [HR: Ahmad]

Di dalam hadis di atas terdapat penjelasan mengenai hikmah disyariatkannya solat-solat *tatowwu*’.

Antara solat sunat yang dituntut melakukannya ialah;

1 - SOLAT SUNAT RAWATIB:

Rawatib berasal daripada perkataan ‘*raatib*’ yang bermaksud berterusan. Solat Sunat Rawatib dilakukan beriringan secara berterusan sebelum (*Qabliyyah*) dan selepas (*Ba’diyyah*) solat fardhu lima waktu.

Hadis tentang keutamaan dan jumlah rakaatnya:

Dari Ummu Habibah R.A, Nabi S.A.W bersabda: “Setiap orang Muslim mengerjakan solat sunat, selain solat fardhu, sebanyak dua belas rakaat dalam sehari semalam kerana (mengharap redha) Allah, nescaya Allah akan membina untuknya sebuah mahligai di Syurga.” [HR.Muslim].

Kami namakan solat ini dengan “Projek Mega Mampu Milik”

PROJEK MEGA MAMPU MILIK

مَنْ صَلَّى اثْنَيْ عَشْرَةَ رَكْعَةً فِي يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ بُنِيَ لَهُ مِنْ يَتِّ فِي الْجَنَّةِ

12 RAKAAT SUNAT RAWATIB
2 RAKAAT DHUHA
3 RAKAAT WITIR

SOLAT	SEBELUM	SELEPAS
SUBUH	2	-
ZOHOR	4	-
ASAR	-	2
MAGRIB	-	2
ISYAK	-	2

Sesiapa yang melakukan solat sunat (rawatib) 12 rakaat dalam sehari semalam, maka dibina baginya sebuah rumah di syurga.
[HR: Muslim 728 Dari Ummu Habibah]

Tajuan Labuh Bellighu Aami: www.darululoom.com
http://www.facebook.com/Dar-Tajuan-Bahah

Riwayat Ibnu Umar R.A 2 Rakaat Sebelum Zuhur. Jumlahnya 10 Rakaat (HR: Bukhari).

Fadhilat yang sangat besar pula untuk 2 Rakaat sebelum subuh.

Nabi S.A.W bersabda: “Dua rakaat solat sebelum Solat Fajr (Subuh) itu lebih baik dari (nilai) dunia dan seisinya.” [HR Muslim]

2 - SOLAT DHUHA.

Dari Abu Hurairah R.A: “Kekasihku S.A.W telah mewasiatkan kepadaku tiga perkara (yang aku tidak akan meninggalkannya sehingga akhir hayatku); iaitu berpuasa tiga hari pada setiap bulan, mengerjakan dua rakaat solat Dhuha dan solat Witir sebelum tidur.” [HR al-Bukhari].

Waktu Solat Dhuha menurut ahli fekah adalah waktu di antara ketika matahari mulai naik iaitu sebaik sahaja berakhirnya waktu yang diharamkan solat setelah solat Subuh (lebih-kurang 15 minit selepas Syuruk) sehingga sebelum matahari condong atau tergelincir ketika tengahari (10 minit sebelum masuk waktu Zuhur atau untuk lebih berhati -hati sebelum 15 minit).

Waktu yang afdhal adalah ketika matahari panas, anggarannya lebih kurang dalam jam 9.30 pagi. Ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W:

“Solat *al-Awwabin* (orang-orang yang kembali kepada Allah), adalah ketika anak-anak unta telah bangkit kerana kepanasan.” [HR Muslim].

Jumlah solat dhuha yang paling minima adalah dua rakaat sebagaimana yang telah diwasiatkan tadi dan ia boleh dikerjakan tanpa batasan jumlah rakaat yang tertentu.

Paling banyak yang dilakukan oleh Rasulullah ialah lapan rakaat dan paling banyak yang disabdakan oleh Baginda ialah 12 rakaat.

SOLAT SELEPAS NAIK MATAHARI

Selepas *Syuruq* (15 minit paling minima lebih kurang) Solat ini disebut juga dengan permulaan dhuha.

Nabi S.A.W bersabda: “Sesiapa yang mengerjakan solat Subuh secara berjemaah lalu duduk berzikir kepada Allah sehingga matahari terbit (dan meninggi), kemudian solat dua rakaat, maka dia akan mendapat pahala seperti pahala haji dan umrah, yang sempurna, yang sempurna, yang sempurna.” [HR At-Tirmizi. “Hasan” Sahih At-Tirmizi].

Selepas solat Subuh berjemaah di masjid, duduklah berzikir, baca Alquran atau mendengar kuliah sehingga kepada waktu yang disebutkan di atas.

3-SOLAT QIYAMULLAIL

Solat sunat yang amat ditekankan dan diamalkan oleh Rasulullah S.A.W ialah *Qiyamullail* iaitu **Solat Malam** terutamanya **Tahajjud**. Solat malam terbahagi kepada dua kategori; solat sebelum tidur dan solat selepas tidur.

Keutamaan Solat Malam.

Nabi S.A.W bersabda: “Hendaklah kamu mengerjakan *qiyaamullail* kerana sesungguhnya ia merupakan kebiasaan orang-orang soleh sebelum kamu. Ia juga sebagai galakan mendekatkan diri kepada Tuhan kamu, sekaligus sebagai penghapus dosa-dosa kamu, serta pencegah dari perbuatan dosa.” [HR atTirmizi dan al-Hakim].

Waktu Solat Malam.

Ia boleh dilakukan selepas solat 'Isya', dan berakhir apabila terbit fajar (masuk waktu Subuh).

Sebaik-baik waktu Qiyamullail adalah sepertiga atau seperempat malam terakhir.

Rasulullah S.A.W bersabda: "Waktu Tuhan paling dekat dengan seorang hamba ialah pada separuh malam yang terakhir. Maka jika kamu dapat beribadat menjadi golongan orang yang berzikir mengingat Allah pada saat itu, maka lakukanlah." [HR at-Tirmizi].

Bilangan Rakaat

Pada asasnya, jumlah rakaat solat malam tidak terbatas jumlahnya, dengan jumlah minima dua rakaat. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

"Solat malam itu dua rakaat dua rakaat. Jika salah seorang di antara kamu takut masuk waktu subuh, maka kerjakanlah satu rakaat. Dengan itu bererti kamu telah menutup solat tadi dengan witir." [HR Bukhari dan Muslim].

Berdalilkan hadis yang umum ini, ramai ulama' seperti Imam An-Nawawirh, As-Sayuti dan lainnya menyatakan bahawa harus untuk kita melakukan solat malam tanpa melakukan penetapan jumlahnya. Boleh dilakukan dua rakaat, dua rakaat, dan sehingga apabila takut masuk subuh lakukanlah witir sebagai penutup.

Maka jelaslah ia tiada had rakaatnya, lakukanlah mengikut kemampuan, tetapi dilakukan secara berterusan setiap malam.

4 - SOLAT WITIR.

Solat Witir juga antara solat sunat malam atau *Qiyamullail* yang sangat digalakkan dan sentiasa didirikan oleh Rasulullah S.A.W.

Ia adalah solat yang jumlah bilangan rakaatnya adalah ganjil. Ia adalah seumpama penutup kepada qiyamullail atau tahajjud. Ini berdasarkan dalil-dalil yang ada, antaranya:

Rasulullah S.A.W, bersabda yang bermaksud: "Jadikanlah Witir (sebagai) solat kamu yang terakhir pada malam hari." [Muttafaq 'alaih].

Keutamaanya:

Rasulullah S.A.W juga bersabda: "Witir itu adalah hak yang mesti ditunaikan (sunat muakkad)". [HR Ahmad dan Abu Daud].

Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesungguhnya Allah menambahkan satu solat bagi kamu. Maka tunaikanlah dia, ia adalah solat Witir." [HR Ahmad].

Bilangan Rakaat:

Rasulullah S.A.W bersabda: "Witir adalah hak yang mesti dilakukan oleh setiap Muslim. Oleh itu, sesiapa hendak mengerjakan witir lima rakaat, bolehlah dia melakukannya. Sesiapa hendak mengerjakan witir tiga rakaat, bolehlah dia melakukannya. Dan sesiapa hendak mengerjakan witir satu rakaat, bolehlah dia melakukannya." [HR Abu Daud no. 1421].

Dalam riwayat lain disebutkan: "Witir adalah hak yang mesti dilakukan. Oleh itu, sesiapa yang mahu, dia boleh mengerjakannya tujuh rakaat. Sesiapa mahu, dia boleh mengerjakan tiga rakaat. Sesiapa mahu, dia boleh

mengerjakan satu rakaat." [HR Abu Daud no. 1421].

Maksudnya: boleh dikerjakan secara terus 3, 5 dan 7 rakaat tanpa tahiyat dicelahnya. Tahiyat hanya pada rakaat yang terakhir sahaja.

Atau lakukan 2 rakaat dan beri salam kemudian satu rakaat lagi.

Sentiasalah memperbanyakkan solat-solat sunat ini agar kita sentiasa mendapat rahmat dan keampunan Allah S.W.T.

وصلى الله وسلم على نبينا محمد،

وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Akhukum, Abu Anas Madani,
PSD 02 Safar 1436H. – 25112014.

SUMBANGAN UNTUK PONDOK SUNGAI DURIAN BOLEH DISALURKAN MELALUI BANK:

AKAUN BANK	
AKAUN BANK ISLAM	
Akaun Wakaf (Pembangunan)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH NO.AKAUN : 03-072-01-0119839 (BIBM)
Akaun Pentadbiran (Derma)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH NO.AKAUN : 03-072-01-0118116 (BIBM)
Akaun Masjid Pondok Sg. Durian	NAMA AKAUN: MASJID AR-RAHMAN NO.AKAUN : 03-072-01-0112942 (BIBM)
Akaun Persatuan Guru	NAMA AKAUN: TABUNG KEBAJIKAN GURU NO.AKAUN : 03-072-01-0124510 (BIBM)
AKAUN MAYBANK	
Akaun Pentadbiran (Derma)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH SG.DURIAN NO.AKAUN : 5530-2961-0334 (MAYBANK)
Akaun Pentadbiran (Zakat)	NAMA AKAUN: PONDOK SUNGAI DURIAN NO.AKAUN : 5530-2961-4058 (MAYBANK)
AKAUN BANK RAKYAT & AGRO BANK	
Akaun Pentadbiran (Infq)	NAMA AKAUN : MADRASAH MUHAMMADIAH PONDOK NO. AKAUN : 11-142-100189-6 (BANK RAKYAT)
Akaun Pentadbiran (Infq)	NAMA AKAUN : MADRASAH MUHAMMADIAH NO. AKAUN : 10067-01-0000-33854 (AGRO BANK)

SEMOGA ALLAH MEMBALAS JASA BAIK TUAN/PUAN SEMUA
No Tel: 09-966 4161 (Peji), 019-944 1881 (Dr Abd Basit), 014-8363 449 (Ust Yahya)
Email: pondoksgdurian@gmail.com - http://www.pondoksgdurian.com

MADRASAH MUHAMMADIAH atau lebih dikenali dengan PONDOK SUNGAI DURIAN adalah sebuah pusat pendidikan Islam yang ditadbir secara persendirian dan ia tidak mempunyai sumber kewangan tetap. Oleh itu, MADRASAH MUHAMMADIAH mengalu-alukan sebarang sumbangan derma, zakat, dan sebagainya. Sumbangan tersebut boleh dihantar terus ke pejabat Madrasah atau melalui akaun seperti di atas.



www.dartaibah.com

(Siri 18)

رسالة

فضائل صلاة التطوع

SOLAT-SOLAT
SUNAT

RAWATIB, DHUHA,
QIYAMULLAIL
DAN WITIR

Al-Faqir ilaLLah



www.abuanasmadani.com
www.abuanasmadani.blogspot.com

1436H/2014M



YAYASAN PONDOK
SUNGAI DURIAN

BANK ISLAM 03-072-01-013646-1



5530 2961 9714

HUBUNGI: Pengerusi YPSD -Dato' Dr. Abdul Basit -HP: 019-9441881.
Setiausaha YPSD - Ustaz Yahya Yaakob - HP: 014-8363449.
No Pejabat : 09-9664161
Email : pondoksgdurian@gmail.com | www.pondoksgdurian.com